

Kuala Lumpur

**P**ihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) menyiasat pembabitan anak kepada pegawai pengurusan tertinggi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang didakwa terbabit skandal projek SSM dianggarkan bernilai RM500 juta.

Sumber SPRM berkata, pemuda berusia 20-an itu sudah hadir ke Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya, kelmarin, untuk menyerahkan dokumen berkaitan siasatan ke atas SSM.

Difahamkan, lelaki itu melakukan kegiatan terbabit sejak seorang ahli keluarganya memegang jawatan tertinggi di SSM.

Sebelum ini, SPRM sudah menyerbu rumah dan pejabat lelaki itu untuk merampas dokumen berkaitan.

Sumber berkata, lelaki itu diminta hadir untuk menyerahkan dokumen berkaitan siasatan kerana disyaki ada bahan bukti disembunyikan hasil pemanfautan siasatan.

"Seorang kakitangan SSM sudah dirakam keterangan setakat ini manakala dua lagi dipanggil semalam untuk

**ANAK pegawai SSM (kanan) ketika hadir ke pejabat SPRM.**



## SKANDAL PROJEK SSM RM500 JUTA

# Anak bos besar serah dokumen

**Lelaki tampil beri keterangan kepada SPRM**

tindakan yang sama," katanya ketika dihubungi, semalam.

Difahamkan, SPRM sudah melakukan 10 siri serbuan di beberapa lokasi berlainan sejak siasatan bermula pada 9 Januari lalu.

Siasatan SPRM bermula dengan serbuan ke atas SSM yang membawa kepada bermilai RM500 juta itu, SPRM turut menyiasat pembenaran projek tanpa melalui tender terbuka oleh SSM se-

dokumen bagi membantu siasatan.

Susulan itu, dua kotak lagi mengandungi sebanyak 71 kotak dokumen turut dirampas SPRM pada 11 Januari lalu.

Difahamkan, selain projek bermilai RM500 juta itu, SPRM turut menyiasat pembenaran projek tanpa melalui tender terbuka oleh SSM se-

jak 2009.

Selain ibu pejabat SSM, SPRM turut menyerbu empat syarikat di ibu kota termasuk firma perakaunan di Bangsar South, di sini, dan firma penasihat pengurusan perniagaan di Sunway Nexis yang dipercayai mempunyai kaitan dengan siasatan dakwaan skandal berkenaan.